



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
21 November 2025



lokal

SEKTOR GIG JADI PILIHAN GEN Z

SELESA KERJA FLEKSIBEL

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sektor gig kini menjadi pilihan Generasi Z (Gen Z) yang baru melangkah masuk ke dalam sektor tenaga kerja, tidak menjadikan jaminan pekerjaan atau jawatan berprestij sebagai matlamat utama.

Antara faktor yang mendorong pembabitannya mereka dalam ekonomi gig ini ialah fleksibiliti masa, kebebasan memilih tempat bekerja, insentif dan kemudahan teknologi yang ditawarkan.

Malah, kemunculan pelbagai platform digital turut memberi ruang lebih besar kepada penajaan ekonomi dan peluang pekerjaan generasi muda.

Gen Z kini memainkan peranan penting dalam dunia pekerjaan dan sedang mengubah cara bekerja dan berhubung.

Menurut laporan *Malaysia Labour Statistics, Aug '25* oleh Maybank Investment Bank, kategori Pekerja Sendiri atau *Own Account Workers* meningkat konsisten sejak 2021, menunjukkan kecenderungan rakyat terhadap pekerjaan fleksibel.

Angka Ogos 2025 itu juga meningkat sedikit berbanding 3.21 juta pada bulan sebelumnya.

Golongan ini meliputi pelbagai bidang termasuk pekerja gig, sekali gus membuktikan bahawa sektor pekerjaan tidak formal kini memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi.

Pusat Revolusi Perindustrian Keempat Malaysia (Pusat 4IR) yang menghasilkan Kertas Putih mengenai 'Apa Pekerja Gig Mahukan' menunjukkan bahawa 10 peratus pekerja gig di Malaysia merancang untuk menjadikannya sebagai kerjaya jangka panjang.



PEKERJAAN gig menawarkan pendapatan cepat, fleksibiliti masa dan tidak memerlukan kelayakan formal.

Individu tertarik kepada semua jenis kerja gig sama ada berasaskan lokasi atau bukan lokasi disebabkan oleh peluang pendapatan tambahan fleksibel dan boleh diakses yang ditawarkan.

Kajian yang dibuat pada tahun lalu dengan disertai oleh 1,500 pekerja gig seluruh negara turut mendapati kira-kira 65 peratus memiliki diploma atau kelayakan yang lebih tinggi dan 39 peratus berusia antara 25 tahun hingga 34 tahun.

Kajian itu antara lain mendedahkan pekerja gig menghargai fleksibiliti, kebolehpasaran dan pendapatan tambahan yang disediakan oleh ekonomi gig.

Bagaimanapun, 'hampir keseluruhan pekerja gig sepenuh masa tidak berpuas hati mengenai faedah pekerjaan tidak seperti faedah diterima oleh pekerja tradisional.

Walaupun fleksibiliti sangat dihargai, faedah pekerjaan tradisional juga

penting kepada pekerja gig, terutama mereka yang bekerja sepenuh masa.

Penting bagi kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk menyediakan pekerjaan gig dengan akses kepada perlindungan sosial dan memastikan keperluan semua pekerja gig termasuk bukan berasaskan lokasi, tidak diabaikan.

Justeru, kerajaan memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bertujuan melindungi lebih 1.2 juta pekerja gig di Malaysia dan meletakkan noktah kepada era

tiada perlindungan undang-undang terhadap golongan itu.

RUU itu mengandungi 112 fasal dalam 10 bahagian menerusi penekanan empat aspek utama iaitu penetapan definisi pekerja gig, penubuhan majlis tiga hala bagi menentukan pendapatan dan syarat kerja, mekanisme penyelesaian pertikaian serta perlindungan keselamatan sosial.

Dalam Belanjawan 2026 juga, kerajaan memberikan insentif caruman padanan sehingga RM600 setahun atau RM6,000 seumur hidup di bawah skim i-Saraan Plus kepada pekerja gig, bagi melengkapkan perlindungan sosial dan menggalakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kerajaan bersetuju menanggung 70 peratus caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) pekerja gig dan insentif itu akan diteruskan bagi tahun kedua dengan pembiayaan sebanyak 50 peratus.

Langkah itu dilihat sebagai pengiktirafan terhadap keperluan untuk menyesuaikan sistem pensaraan dengan realiti baharu pekerjaan moden.



LYDIAWATI seronok ketika membuat live dan affiliate.



MALAYSIA kini dikenali antara negara tumpuan utama ekonomi gig di Asia Tenggara.

Harian Metro | Jumaat 21.11.2025

@hmetromy | #hmetromy | www.hmetro.com.my 3



Kerja 8-5 makin 'terpinggir'

Kuala Lumpur: Semakin ramai belia memilih pekerjaan dengan waktu kerja yang fleksibel, berbanding pekerjaan tradisional dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

Kajian menunjukkan lebih 30 peratus tenaga kerja muda terabit dalam pekerjaan gig seperti e-hailing, penghantar dan pekerja digital bebas, dengan Malaysia kini dikenali antara negara tumpuan utama ekonomi gig di Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Operasi My Mobility Vision, sebuah badan penyelidikan dasar yang fokus kepada isu berkaitan pengangkutan, buruh dan ekonomi digital negara, Dr Muhammad Afiq Reduan berkata, pekerjaan gig menawarkan pendapatan cepat, fleksibiliti masa, tidak memerlukan kelayakan khusus dan pelaburan besar berbanding kerjaya profesional atau pendidikan tinggi.

Beliau berkata, kebanyakkan belia memilih kerja dan menyesuaikan dengan gaya hidup menjadikannya sangat menarik bagi anak muda yang baru memulakan kerjaya.

"Ekonomi gig menawarkan kelebihan utama yang menarik ra-

mai anak muda antaranya adalah fleksibiliti masa dan lokasi, sesuai dengan gaya hidup kini.

Tambah pula ekonomi gig menawarkan kebebasan kepada pekerja kerana tidak terikat dengan kontrak tetap atau kelayakan formal dan ia turut membuka peluang keusahawanan dan pembabit dalam inovasi digital," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Afiq berkata, ekonomi gig membantu mengurangkan pengangguran, memberi peluang pendapatan kepada rakyat serta menyokong transformasi industri digital negara.

Namun, ia mewujudkan isu struktur seperti ketidakpastian pendapatan, kurang perlindungan sosial dan tiada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada majoriti pekerja gig.

Menurutnya, pekerja gig juga berdepan risiko eksploitasi, tiada saluran aduan rasmi dan beban perbelanjaan sendiri untuk insurans, petrol, peralatan serta kenderaan, selain ancaman kesihatan yang mana tiada cuti berbayar atau perlindungan pe-

rubatan. Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan memberikan tumpuan kepada sektor gig hingga inisiatif dirancang menumpukan golongan itu termasuk dalam pembentangan Belanjawan 2026.

"Kerajaan sudah memperkenalkan 1-Saraan KWSP, program perlindungan perkeso dan Rang Undang-Undang Pekerja Gig bagi memberi perlindungan minimum serta hak kepada pekerja gig."

Namun, kadar liputan masih rendah dan ramai kekal di luar rangkaian keselamatan sosial. Pelaburan dalam infrastruktur digital dan latihan kemahiran juga ditingkatkan untuk menyokong pekerja gig," katanya.

Ditanya mengenai RUU Pekerja Gig 2025 yang disuluskan Dewan Negara pada September lalu, beliau berkata, ia dapat memastikan pekerja gig menerima perlindungan minimum dari segi sosial, insurans dan kebajikan.

Muhammad Afiq berkata, cabaran utama adalah memastikan pelaksanaan yang efektif dan tidak menjejaskan kebebasan serta pendapatan pekerja gig, kejayaannya bergantung kepada pemantauan dan komitmen pihak berkuasa.

Mencari rezeki secara 'live host'

Kuala Lumpur: Kesukaran mendapat tempat dalam sektor pekerjaan tradisional membuatkan gadis ini memilih pekerjaan dalam sektor gig untuk menimba pengalaman sebelum menjejak karier lebih besar.

Nur Izzati Mohd Isrook, 24, mengakui pekerjaan tradisional mempunyai jaminan kerja dan peluang kenaikan pangkat dalam syarikat.

Namun, bagi graduan muda yang baru melangkah masuk dalam dunia pekerjaan seperti, sektor gig mempunyai peluang yang luas dan pengalaman kerja yang lebih seimbang dengan kehidupan.

Nur Izzati yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Penyiaran dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) kini bekerja sebagai penyampai siaran langsung atau lebih dikenali *live host*.

Menurutnya, dia memohon jawatan berkenaan kerana minat bercapik di hadapan kamera dan sudah hampir setahun bekerja dengan sebuah syarikat penyediaan siaran langsung di ibu kota.

"Pada mulanya saya bekerja di bahagian operasi dan sering melihat orang kerja *live host* membuatkan saya rasa seronok. Tambah pula waktu kerja mereka

fleksibel iaitu hanya buat beberapa jam siaran langsung."

"Selepas itu saya mohon kerja *live host* dan diterima bekerja dengan syarikat yang saya kerja sekarang ini. Saya bekerja empat hari seminggu dan perlu buat siaran langsung setiap dua jam atau lebih mengikut keperluan pelanggan."

"Gaji yang saya terima juga berpatutan selain diberi faedah lain termasuk caruman dan komisen bagi setiap jualan yang dibuat semasa siaran langsung," katanya.

Bagaimanapun, anak keempat daripada lima beradik itu berkata, pekerjaan dilakukan juga ada cabaran antaranya perlu sentiasa tampil bersemangat dan konsisten untuk menarik penonton.

Selain itu, katanya, dia juga sentiasa mempersiapkan diri dengan pengetahuan mengenai sesuatu produk yang ingin dipromosikan sebelum memulakan siaran langsung bagi memastikan kelancaran.

Walaupun kadang-kadang penat terutama ketika musim kempen, tapi disebabkan minat dan seronok membuatkan dia terus bersemangat dan mahu menimba lebih banyak pengalaman dalam bidang berkenaan.

Dari suka-suka jadi kerjaya

Kuala Lumpur: Hanya bermula dengan separuh masa bagi menjana pendapatan untuk menampung kos pengajian di universiti, kini tugas *live host* menjadi pekerjaan tetap buat Lydiawati Saiful.

Gadis berusia 25 tahun ini memilih kerjaya dalam sektor gig itu kerana minatnya yang mendalam, selain waktu kerja fleksibel dan tawaran gaji lumayan.

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Komunikasi Sosial) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melakukan dia memilih kerjaya profesional, namun pekerjaan dalam sektor gig menjadi pilihan malah kerjaya baharu bagi kebanyakan graduan muda.

Ini kerana menurut Lydiawati, sektor gig kini bukan saja bebas,

tetapi juga menawarkan insentif seperti pekerjaan tetap lain termasuk perlindungan sosial dan caruman untuk masa depan.

Anak ketiga daripada empat beradik itu berkata, semuanya bermula selepas rakan baik mencadangkan dia membuat siaran langsung kerana kepintaran berinteraksi dan yakin.

"Memandangkan saya anak yatim piatu dan tak mahu membebankan kakak, saya sering membuat siaran langsung di akaun media sosial peribadi dan menjalankan aktiviti *affiliate* (mempromosikan produk atau perkhidmatan pihak ketiga dan memperoleh komisen bagi setiap jualan yang dihasilkan) di TikTok serta Shopee."

"Apabila saya buat *live* dan *affiliate*, saya rasa seronok sebab ada sambutan. Alhamdulillah, dapat juga jana pendapatan sekitar RM100 hingga RM200 sebulan untuk perbelanjaan saya di universiti," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, selepas tamat pengajian serta latihan amali, dia diterima bekerja sepenuh masa sebagai penyampai siaran langsung dengan se-

buah syarikat pemborong pakaian dan aksesori.

Dia yang berpengalaman dalam bidang perkhidmatan makanan dan minuman (F&B) serta wartawan pelatih sebelum memasuki sektor gig, berpendapat setiap pekerjaan mempunyai cabaran berbeza.

"Sebagai penyampai siaran langsung, cabaran paling utama adalah perlu sentiasa tampil aktif dan konsisten. Ini kerana jika kita menunjukkan tidak berada dalam keadaan baik, ia boleh menjejaskan semangat penonton dan jualan produk yang sedang dipromosikan."

"Selain itu, kerjaya ini juga memerlukan daya tarikan yang tinggi. Persaingan di media sosial sangat luas kerana ramai menjual produk yang sama, jadi kita perlu ada keunikan tersendiri untuk menarik penonton."

"Saya pernah berpuas-puas hamil dengan memasuki patung ke dalam baju sebagai satu bentuk hiburan sambil meyakinkan penonton bahawa pakaian dijual sesuai untuk semua bentuk badan. Persaingan sengit ini kadang kala beri tekanan namun saya percaya selagi berusaha, kreatif dan konsisten, kita mampu mengkalakan momentum yang baik," katanya.